

EkuiNAS lupus pegangan dalam Tenby, lonjak hasil RM1 bilion

KUALA LUMPUR 17 Jan. - Ekuiti Nasional Bhd., (EkuiNAS) melupuskan kepentingan ekuiti 100 peratus di dalam Tenby Education Group (Tenby) seterusnya melonjakkan jumlah hasil realisasi syarikat melebihi RM1 bilion.

Syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan itu menjual keseluruhan pegangannya kepada International Schools Partnership (ISP).

Pengerusi EkuiNAS, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda berkata, pelupusan itu merupakan pelupusan kelapan EkuiNAS termasuk pelupusan separa dalam Icon Offshore Berhad.

Katanya, pelupusan tersebut dilaksanakan selaras dengan strategi pelaburan berhemat EkuiNAS untuk memastikan Kadar Pulangan Dalaman Kasar (IRR) yang positif.

“Di samping itu, EkuiNAS percaya bahawa ISP mempunyai sumber dan kepakaran operasi dapat menyokong dan membimbing Kumpulan ke arah kejayaan yang berterusan,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Sepanjang pelaburan EkuiNAS dalam Tenby, beberapa inisiatif telah dilaksanakan untuk meningkatkan hasil dan perolehan secara agresif dengan meningkatkan jumlah pelajar daripada 4,600 ke lebih 5,000 orang dan memacu perkembangan melalui pembukaan Tenby Ecohill pada 2016 dan Tenby Tropicana Aman yang akan dibu-

ka pada 2018.

Tenby yang ditubuhkan di Ipoh pada 1960, merupakan kumpulan pendidikan swasta menawarkan kurikulum kebangsaan dan antarabangsa di enam buah kampus di Ipoh, Pulau Pinang, Miri, Setia Alam, Johor Bahru dan Semenyih.

ISP ditubuhkan oleh sekumpulan pengendali sekolah yang berpengalaman dan kepakaran dalam bidang pendidikan dan komersial, menguruskan sekolah Pra-K-13 di seluruh Eropah, Amerika Utara, Amerika Tengah dan Asia Barat kepada 16,000 orang pelajar.

Sementara itu, Ketua Pegawai

Eksekutif EkuiNAS, Syed Yasir Arafat Syed Abd. Kadir berkata, masa dan iklim ekonomi adalah bersesuaian bagi mereka melupuskan Tenby kerana ia mem-

bolehkan pihaknya menjana pulangan positif untuk mengekalkan prestasi dana tersebut.

“Melalui pelupusan ini, EkuiNAS akan menampung kos pe-

laburan asalnya dan menjana IRR positif sebanyak 45.7 peratus bersamaan 2.5 kali modal dilaburkan termasuk dividen yang telah diterima,” tambahnya.



**RAJA TAN SRI ARSHAD
RAJA TUN UDA**



TENBY Schools di Ipoh, Perak.